UTHM
اونيۏرسيتي تون حسين عون مليسيا
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BUKU PANDUAN
ISTIADAT KONVOKESYEN
UNTUK GRADUAN

CONVOCATION CEREMONY
GUIDEBOOK
FOR GRADUATES



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Amanah • Profesional • Inovatif

GTU 2030
Global Technopreneur University 2030

ISI KANDUNGAN / *TABLE OF CONTENT*

1. KELAYAKAN DAN MAKLUMAT GRADUAN / *ELIGIBILITY AND GRADUAND INFORMATION* 3

1.1 Syarat Kelayakan / *Eligibility Conditions* 3
1.2 Surat Pengesahan Penganugerahan / *Conferment Letter* 3
1.3 Senarai Graduan / *List of Graduates* 3

2. PENGESAHAN KEHADIRAN DAN YURAN / *ATTENDANCE CONFIRMATION AND FEES* 3

2.1 Pengesahan Kehadiran / *Attendance Confirmation* 3
2.2 Bayaran Yuran Konvokesyen / *Convocation Fee Payment* 3

3. SEBELUM ISTIADAT KONVOKESYEN / *PRE-CONVOCATION CEREMONY* 4

3.1 Kemaskini Maklumat Peribadi / *Update Of Personal Information* 4
3.2 Penyelesaian Tunggakan Kewangan / *Settlement Of Financial Obligations* 4
3.3 Pendaftaran Sistem Maklumat Alumni (SisMA)
***Alumni Information System (SisMA) Registration* 4**
3.4 Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) / *Graduate Tracer Study (SKPG)* 4
3.5 Pendaftaran Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
***Board Of Engineers Malaysia (BEM) Registration* 4**
3.6 Maklumat Lanjut SKPG, SisMA dan BEM / *Further Information on SKPG, SisMA and BEM* 5
3.7 Pengambilan Set Pakaian Konvokesyen dan Dokumen yang Diperlukan
***Convocation Attire Set Collection and Documents Required* 5**
3.8 Pembelian Set Pakaian Konvokesyen / *Purchase Of Convocation Attire Set* 6

4. SEMASA ISTIADAT KONVOKESYEN / *DURING THE CONVOCATION CEREMONY* 6

4.1 Etika Pakaian Dan Rupa Diri Graduan Lelaki
***Dress Code and Grooming Guidelines For Male Graduands* 6**
4.2 Etika Pakaian Dan Rupa Diri Graduan Wanita
***Dress Code And Grooming Guidelines For Female Graduands* 7**
4.3 Pakaian Dan Barangan Larangan / *Prohibited Attire And Items* 7
4.4 Tatacara Pemakaian Set Pakaian Konvokesyen /
***Convocation Attire Wearing Procedure* 8**
4.5 Pendaftaran Graduan / *Graduands Registration* 8
4.6 Tertib Semasa Istiadat / *Etiquette During The Ceremony* 9
4.7 Larangan Di Atas Pentas / *Prohibitions On Stage* 9

5. SELEPAS ISTIADAT / *AFTER THE CEREMONY* 10

5.1 Pemulangan Set Pakaian Konvokesyen / *Return Of Convocation Attire Set* 10
5.2 Denda Pulang Lewat / *Late Return Penalty* 10
5.3 Denda Kerosakan / *Damage Penalty* 11
5.4 Pengambilan Sijil Akademik Dan Transkrip /
***Collection Of Academic Certificate And Transcript* 11**
5.5 Pengeposan Sijil Dan Transkrip Akademik /
***Postal Delivery Of Academic Certificate And Transcript* 13**
5.6 Pindaan Maklumat Pada Sijil Akademik Dan Transkrip Akademik
***Amendment of Information on the Academic Certificate and Academic Transcript* 14**
6.1 Edaran Kad Jemputan / *Distribution Of Invitation Cards* 14
6.2 Pas Parkir Kenderaan / *Vehicle Parking Pass* 15
6.3 Etika Tetamu / *Guest Etiquette* 15

7. GRADUAN KELAINAN UPAYA / *GRADUANDS WITH DISABILITY* 16

8. MAKLUMAT LANJUT / *FURTHER INFORMATION* 16

1. KELAYAKAN DAN MAKLUMAT GRADUAN
ELIGIBILITY AND GRADUAND INFORMATION

1.1 Syarat Kelayakan / *Eligibility Conditions*

- Graduan hanya layak hadir sekiranya memenuhi **SEMUA** syarat berikut:
  *Graduands are eligible to attend only if they fulfilled **ALL** of the following conditions:*

- Telah disahkan oleh Senat Universiti dan berstatus **'Graduan'** dalam **SMAP Online**
  *Endorsed for graduation by the University Senate and holds '**Graduan**' status in **SMAP Online***

- Bebas daripada sebarang tunggakan kewangan dengan UTHM
  Free from any outstanding financial obligations to UTHM

1.2 Surat Pengesahan Penganugerahan / *Conferment Letter*

- Surat Pengesahan Penganugerahan boleh dimuat turun melalui ***SMAP Online*** di **Biodata > Files Repository**.
  *The Conferment Letter can be downloaded from SMAP Online **under Biodata > Files Repository.***

1.3 Status Graduan / Graduand Status

- Status Graduan boleh disemak melalui SMAP Online
  Graduands can check their status via SMAP Online.

2. PENGESAHAN KEHADIRAN DAN YURAN /
ATTENDANCE CONFIRMATION AND FEES

2.1 Pengesahan Kehadiran / *Attendance Confirmation*

- Graduan **WAJIB** membuat pengesahan kehadiran melalui Sistem eGraduan https://graduan.uthm.edu.my serta memuat turun Surat Jemputan Rasmi dan Slip Pengambilan Jubah.
  *Graduands **MUST** confirm their attendance via the eGraduan System at https://graduan.uthm.edu.my then download the Official Invitation Letter and Robe Collection Slip.*

2.2 Bayaran Yuran Konvokesyen / *Convocation Fee Payment*

- Yuran konvokesyen dikenakan kepada semua graduan berdasarkan status kehadiran dan peringkat pengajian.
  Convocation fees are charged to all graduands based on their attendance status and level of study.

TAHAP PENGAJIAN *LEVEL OF STUDY*	HADIR *ATTENDING*	TIDAK HADIR *NOT ATTENDING*
Diploma / *Diploma*	RM200.00	RM150.00
Sarjana Muda / *Bachelor's degree*	RM210.00	RM150.00
Sarjana / *Master's degree*	RM220.00	RM150.00
Doktor Falsafah / *Doctor of Philosophy*	RM230.00	RM180.00

3. SEBELUM ISTIADAT KONVOKESYEN / *PRE-CONVOCATION CEREMONY*

3.1 Kemaskini Maklumat Peribadi / *Update Of Personal Information*

- Graduan dikehendaki mengemaskini maklumat peribadi dan profil dalam SMAP Online, jika berkaitan. Maklumat ini akan digunakan dalam dokumen pengijazahan.
  Graduands are required to update their personal information and profile in SMAP Online, if applicable. The information will be used in graduation documents

3.2 Penyelesaian Tunggakan Kewangan / *Settlement Of Financial Obligations*

- Semak status tunggakan kewangan anda melalui SMAP Online.
  Check your outstanding financial status via SMAP Online.

- Semua bayaran hendaklah dibuat melalui Portal ePayment UTHM menggunakan FPX, kad debit atau kad kredit (VISA/Mastercard).
  All payments must be made via the UTHM ePayment Portal using FPX, a debit card, or a credit card (VISA/Mastercard).

- Graduan yang mempunyai tunggakan kewangan tidak dibenarkan menyertai Istiadat Konvokesyen.
  Graduands with outstanding financial obligations will not be permitted to attend the Convocation Ceremony.

3.3 Pendaftaran Sistem Maklumat Alumni (SisMA)
Alumni Information System (SisMA) Registration

- Graduan dikehendaki mengemaskini maklumat mereka dalam SisMA melalui https://sisma.uthm.edu.my.
  Graduands are required to update their information in SisMA at https://sisma.uthm.edu.my.

3.4 Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) / *Graduate Tracer Study (SKPG)*

- Graduan dikehendaki melengkapkan soal selidik Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) melalui portal SKPG.
  Graduands are required to complete the Graduate Tracer Study (SKPG) questionnaire via the SKPG portal.

3.5 Pendaftaran Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
Board Of Engineers Malaysia (BEM) Registration

- Graduan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan dikehendaki mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).
  Engineering and Engineering Technology graduands are required to register with the Board of Engineers Malaysia (BEM).



3.6 Maklumat Lanjut SKPG, SisMA dan BEM
Further Information on SKPG, SisMA and BEM

- Sebarang pertanyaan berkaitan SKPG, SisMA atau BEM boleh diajukan kepada Pusat Pembangunan Kerjaya dan Alumni melalui telefon 07-950 7873.
  For enquiries regarding SKPG, SisMA, or BEM, please contact the Career and Alumni Development Centre at 07-950 7873.

3.7 Pengambilan Set Pakaian Konvokesyen dan Dokumen yang Diperlukan
Convocation Attire Set Collection and Documents Required

- Kaunter Pengambilan Set Pakaian Konvokesyen akan dibuka mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti.
  The Convocation Attire Collection Counter will operate according to the schedule set by the University.

- Graduan boleh mewakilkan individu lain untuk mengambil Set Pakaian Konvokesyen, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah. Penetapan wakil hendaklah dibuat melalui Sistem eGraduan semasa proses pengesahan kehadiran.
  Graduands may appoint a representative to collect the Convocation Attire Set on their behalf, subject to the conditions stated below. The appointment of the representative shall be made through the eGraduan System during the attendance confirmation process.

  i. Wakil yang juga graduan: Maksimum **TIGA (3)** set termasuk milik sendiri.
  *Graduand representative: Maximum **THREE (3)** attire sets, including their own.*

  ii. Wakil bukan graduan: Maksimum **DUA (2)** set.
  *Non-graduand representative: Maximum **TWO (2)** attire sets.*

- Graduan dan wakil hendaklah memastikan set pakaian konvokesyen yang diterima adalah lengkap dan dalam keadaan baik.
  Graduands and their representatives must ensure that the attire set received is complete and in good condition.

- Graduan **MESTI** mematuhi jadual pengambilan yang telah ditetapkan.
  *Graduands **MUST** adhere to the prescribed collection schedule.*

- **Dokumen yang diperlukan** */ **Required documents***

BIL.	PERKARA / *CRITERIA*	DOKUMEN / *DOCUMENTS*
1	Graduan / *Graduands*	i. Kad Pengenalan / *Pasport* *Identification Card or Passport* ii. Slip Pengambilan Jubah (salinan digital) / *Robe Collection Slip (digital copy)*
2	Wakil Graduan / *Representative*	*i. Salinan Slip Pengambilan Jubah /* *Robe Collection Slip Printed Copy* *ii. Salinan Kad Pengenalan / Pasport Graduan* *Copy of the Graduand's Identification Card or Passport* *iii. Salinan Kad Pengenalan / Pasport Wakil* *Copy of the Representative's Identification Card or Passport*

3.8 Pembelian Set Pakaian Konvokesyen / *Purchase Of Convocation Attire Set*

- Graduan yang ingin membeli set pakaian konvokesyen boleh membuat permohonan di kaunter semasa tempoh pengambilan jubah
  Graduands who wish to purchase a convocation attire set may apply at the designated counter during the attire collection period.

- Harga pembelian set pakaian konvokesyen adalah seperti berikut:
  The price of the convocation attire set is as follows:

BIL.	PERINGKAT PENGAJIAN / *LEVEL OF STUDY*	HARGA / *PRICE*
1.	Doktor Falsafah / *Doctor of Philosophy*	RM1,200.00
2.	Sarjana / *Master's Degree*	RM800.00
3.	Sarjana Muda / *Bachelor's Degree*	RM800.00
4.	Diploma	RM600.00

- Pakaian konvokesyen yang telah dibeli adalah hak milik graduan dan tidak boleh dipulangkan atau ditukar.
  Purchased convocation attire is the property of the graduand and cannot be returned or exchanged.

4. SEMASA ISTIADAT KONVOKESYEN / *DURING THE CONVOCATION CEREMONY*

4.1 Etika Pakaian Dan Rupa Diri Graduan Lelaki
Dress Code and Grooming Guidelines For Male Graduands

Graduan lelaki hendaklah memakai salah satu daripada pakaian berikut:
Male graduands must wear one of the following:

- Lounge Suit berwarna hitam atau biru gelap sahaja, kemeja lengan panjang berkolar, berseluar slack berwarna hitam atau biru gelap sahaja serta bertali leher; atau
  A Black or dark navy blue only lounge suit only, with long-sleeved collared shirt, black or dark navy blue slacks, and a necktie.; or

- Baju Melayu hitam tidak bercorak (gaya Cekak Musang lima butang) dengan samping songket gelap. Songkok tidak diperlukan; atau
  Black Baju Melayu without patterns (five-button Cekak Musang style), with a dark songket samping. No songkok is required; or

- Pakaian tradisional/kebangsaan yang sopan dan tidak terdedah. Sebarang bentuk aksesori yang tidak sesuai, berlebihan atau berbunyi adalah dilarang; dan
  Traditional/national attire that is modest and not revealing. Any form of inappropriate, excessive, or noise-making accessories is prohibited; and

Kasut / *Footwear*
- Kasut formal hitam sahaja (termasuk tapak), bertutup penuh dan dipakai bersama stoking hitam.
  Black formal shoes only (including soles), fully covered, worn with black, long socks.

Rupa Diri / *Grooming*
- Rambut hendaklah pendek, kemas, tidak melepasi kolar baju dan tidak diwarnakan.
  Hair must be short, neat, not extend below the shirt collar, and must not be dyed.

4.2 Etika Pakaian Dan Rupa Diri Graduan Wanita
Dress Code And Grooming Guidelines For Female Graduands

Graduan wanita hendaklah memakai salah satu daripada pakaian berikut:
Female graduands must wear one of the following:

- Lounge Suit berwarna hitam atau biru gelap sahaja, kemeja lengan panjang berkolar, berseluar Slack berwarna hitam atau biru gelap sahaja dan tali leher tidak diperlukan; atau
  Black or dark navy blue only Lounge suit only, with long-sleeved collared shirt, black or dark navy blue slacks only. A necktie is not required; or

- Baju Kurung moden atau tradisional, atau pakaian kebangsaan yang sopan dan tidak menjolok mata. Sebarang aksesori yang tidak sesuai, berlebihan atau berbunyi adalah dilarang; atau
  A modern or traditional Baju Kurung, or national attire that is modest and not revealing. Inappropriate, excessive, or noise-making accessories are prohibited; or

- Blaus berlengan panjang, berbutang rapi dan bertutup hingga ke leher, dipadankan dengan skirt labuh tidak berbelah atau seluar labuh berwarna hitam atau biru gelap sahaja sehingga buku lali; dan
  A long-sleeved, neatly buttoned blouse with a high neckline, paired with a black or dark navy blue ankle-length skirt without a slit, or black or dark navy blue ankle-length trousers; and

Kasut / *Footwear*
- Kasut formal berwarna hitam (termasuk tapak), bertutup penuh serta berstoking hitam dan panjang.
  Black formal shoes including the soles, fully enclosed, worn with black, long socks.

Rupa Diri / *Grooming*
- Pakaian hendaklah sopan, tidak jarang dan tidak ketat. Rambut hendaklah diurus kemas, diikat rapi sekiranya panjang, dan tidak diwarnakan. Bagi yang bertudung, tudung hendaklah dipakai dengan kemas serta berwarna sesuai.
  Attire must be modest, non-transparent, and not tight-fitting. Hair must be neatly groomed, tied if long, and must not be dyed. Headscarves, where worn, must be neat and of an appropriate colour.

4.3 Pakaian Dan Barangan Larangan
Prohibited Attire And Items

Graduan TIDAK DIBENARKAN memakai atau membawa perkara berikut:
Graduands are STRICTLY PROHIBITED from wearing or carrying the following:

- Bow tie, pakaian kasual seperti kemeja lengan pendek, skirt pendek, leggings, seluar jeans, T-shirt, kasut sukan, sneakers, selipar, sandal atau capal.
  Bow ties, casual attire such as short-sleeved shirts, short skirts, leggings, jeans, T-shirts, sports shoes, sneakers, slippers, sandals, or capal.

- Pakaian berwarna Biru Diraja atau Kuning Diraja, serta pakaian atau aksesori yang menyerupai busana istiadat diraja.
  Attire in Royal Blue or Royal Yellow, as well as attire or accessories resembling royal ceremonial dress.

- Sebarang bentuk aksesori yang tidak sesuai, berlebihan atau berbunyi adalah dilarang.
  Any form of inappropriate, excessive, or noise-making accessories is prohibited.

- Kegagalan mematuhi ketetapan ini boleh menyebabkan graduan tidak dibenarkan menyertai Istiadat Konvokesyen.
  Failure to comply with this provision may result in the graduand being barred from attending the Convocation Ceremony.

4.4 Tatacara Pemakaian Set Pakaian Konvokesyen
Convocation Attire Wearing Procedure

- Graduan **HENDAKLAH** merujuk tatacara pemakaian set pakaian konvokesyen dan etika di atas pentas melalui Portal Rasmi Konvokesyen.
  *Graduands **ARE REQUIRED TO** refer to the Convocation Attire Wearing Procedure and Stage Etiquette available on the Official Convocation Portal.*

- Kegagalan mematuhi tatacara yang ditetapkan boleh menyebabkan graduan tidak dibenarkan menaiki pentas untuk menerima ijazah.
  Failure to comply with the prescribed procedure may result in the graduand being prohibited from ascending the stage to receive the degree.

4.5 Pendaftaran Graduan
Graduands Registration

- Kaunter Pendaftaran Graduan dibuka dari **7.30 pagi hingga 8.15 pagi**. Graduan akan diberikan nombor giliran dan kad RFID semasa pendaftaran.
  *The Graduands Registration Counter shall operate from **7:30 AM until 8:15 AM.** A queue number and an RFID card shall be issued to graduands upon registration*

- Graduan **WAJIB** mendaftar dan hadir sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum kaunter pendaftaran dibuka serta membawa Surat Jemputan Graduan yang sah (salinan digital dalam telefon bimbit).
  *Graduands **MUST** register and be present at least thirty (30) minutes before the registration counter opens and bring a valid Graduation Invitation Letter (in digital format on their mobile phone).*

- Graduan yang hadir selepas tamat tempoh pendaftaran **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dewan konvokesyen dan ***HILANG KELAYAKAN*** untuk menerima skrol ijazah pada majlis tersebut.
  *Graduands who arrive after the registration period **WILL NOT BE PERMITTED** to enter the convocation hall and **WILL FORFEIT** their eligibility to receive the degree scroll during the ceremony.*

- Graduan **WAJIB** memakai set pakaian konvokesyen yang lengkap dan sempurna sebelum mendaftar.
  *Graduands **MUST** wear the complete and proper convocation attire before registration.*

- Graduan ***WAJIB*** duduk di tempat yang ditetapkan mengikut nombor giliran yang diberikan.
  *Graduands **MUST** be seated at the designated seats according to their assigned queue numbers.*

- Ibu bapa, penjaga atau tetamu **DILARANG** mengiringi graduan semasa proses pendaftaran di kaunter.
  *Parents, guardians, or guests **ARE NOT PERMITTED** to accompany graduands during the registration process at the counter.*

- Graduan **DILARANG** membawa beg, barang berharga atau barangan peribadi kecuali telefon bimbit.
  *Graduands **ARE NOT PERMITTED** to bring bags, valuables, or personal belongings except for mobile phones.*

- Barang-barang larangan tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam Dewan Konvokesyen dan hendaklah ditinggalkan di luar dewan. Universiti tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan, kehilangan atau kerosakan mana-mana barangan peribadi yang ditinggalkan.
  Prohibited items are not permitted inside the Convocation Hall and must be left outside the hall. The University shall not be responsible for the safety, loss, or damage of any personal belongings left outside the hall.

4.6 Tertib Semasa Istiadat
Etiquette During The Ceremony

- Graduan akan berarak ke tempat duduk masing-masing di dalam Dewan Sultan Ibrahim. Graduan **WAJIB** duduk di tempat yang ditetapkan dengan tertib pada setiap masa. Graduan **DILARANG** menukar tempat duduk atau menduduki tempat graduan lain sepanjang Istiadat Konvokesyen berlangsung.
  *Graduands will proceed to their assigned seats in Dewan Sultan Ibrahim in an orderly procession. Graduands **MUST** remain properly seated in their assigned seats at all times. Graduands **ARE NOT PERMITTED** to change seats or occupy another graduand's seat throughout the Convocation Ceremony.*

- Sepanjang istiadat berlangsung, graduan **WAJIB** menjaga ketertiban dan menghormati kelancaran majlis dengan kekal berada di tempat duduk masing-masing sehingga istiadat ditangguhkan secara rasmi.
  *Throughout the ceremony, graduands **MUST** maintain proper conduct and respect the proceedings by remaining in their seats until the official adjournment of the ceremony.*

4.7 Larangan Di Atas Pentas
Prohibitions On Stage

- Graduan **DILARANG SAMA SEKALI** melakukan atau cuba melakukan mana-mana perbuatan yang dinyatakan di bawah semasa berada di atas pentas ketika penyampaian skrol akademik. Kegagalan mematuhi larangan ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib termasuk penarikan hak untuk menerima skrol di atas pentas, diarahkan keluar dari dewan atau tindakan lain yang difikirkan wajar oleh Universiti.
  *Graduands are **STRICTLY PROHIBITED** from committing or attempting to commit any of the acts listed below while on stage during the conferment of the academic scroll. Failure to comply may result in disciplinary action, including withdrawal of the right to receive the scroll on stage, being removed from the hall, or any other action deemed appropriate by the University.*

- Menundukkan badan secara keterlaluan atau berlebihan sebagai tanda hormat semasa penyampaian skrol akademik.
  Excessive bowing or lowering of the body as a gesture of respect during the conferment of the academic scroll.

- Berjabat tangan atau melakukan sebarang bentuk sentuhan fizikal dengan Canselor/Pro-Canselor/ Naib Canselor, penyampai skrol, tetamu kehormat, atau mana-mana jemputan lain semasa penyampaian skrol akademik.
  Shaking hands or engaging in any form of physical contact with the Chancellor/Pro-Chancellor/ Vice-Chancellor, scroll presenter, VIPs, or any other invited guests during the conferment of the academic scroll.

- Melakukan sebarang bentuk lambaian tangan atau isyarat tangan semasa berada di atas pentas.
  Performing any form of hand waving or hand gestures while on stage.

- Menghayun folder skrol akademik semasa berjalan turun dari pentas.
  Swinging the academic scroll folder while descending from the stage.

- Membawa, menunjukkan atau mempamerkan sebarang bahan bertulis, bercetak atau paparan lain semasa berada di atas pentas.
  Carrying, showing, or displaying any written, printed, or other forms of material while on stage.

- Mengambil swafoto atau melakukan sebarang perbuatan lain yang boleh menjejaskan ketertiban, kesopanan, dan kelancaran istiadat.
  Taking selfies or engaging in any other act that may compromise the decorum, dignity, or orderly conduct of the ceremony.

5. SELEPAS ISTIADAT / *AFTER THE CEREMONY*

5.1 Pemulangan Set Pakaian Konvokesyen
Return Of Convocation Attire Set

- Kaunter pemulangan Set Pakaian Konvokesyen akan dibuka di Aras 1, Dewan Peperiksaan F2, pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan secara rasmi oleh Universiti. *The Convocation Attire Set Return Counter will be available at Level 1, Examination Hall F2, on the date and time officially scheduled by the University.*

- Jadual rasmi bagi pemulangan Set Pakaian Konvokesyen serta pengambilan Sijil Akademik dan Transkrip adalah seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Sebarang permohonan atau rayuan untuk pemulangan lewat Set Pakaian Konvokesyen tidak akan dipertimbangkan. *The official schedule for the return of the Convocation Attire Set and the collection of the Academic Certificate and Transcript, as determined by the University, must be strictly adhered to. Applications or appeals for the late return of the Convocation Attire Set will not be considered.*

- Pemulangan Set Pakaian Konvokesyen serta pengambilan Sijil Akademik dan Transkrip selepas tarikh yang ditetapkan hendaklah dibuat di Kaunter Pejabat Pengurusan Akademik pada waktu pejabat. *Any return of the Convocation Attire Set and collection of the Academic Certificate and Transcript after the prescribed date must be carried out at the Academic Management Office counter during office hours.*

5.2 Denda Pulang Lewat
Late Return Penalty

- Graduan yang gagal memulangkan Set Pakaian Konvokesyen selepas tarikh yang ditetapkan oleh Universiti, dikehendaki membayar denda lewat sebanyak RM50.00 bagi setiap hari kelewatan, termasuk hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am. *Graduands who fail to return the Convocation Attire Set by the date specified by the University will be charged a late return penalty of RM50.00 for each day of delay, including weekends and public holidays.*

- Kegagalan menjelaskan denda ini boleh mengakibatkan penangguhan penyerahan Sijil Akademik dan Transkrip sehingga bayaran dijelaskan sepenuhnya. *Failure to settle this penalty may result in the withholding of the Academic Certificate and Transcript until full payment has been made.*

5.3 Denda Kerosakan
Damage Penalty

- Graduan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang pertukaran, pengubahsuaian, kerosakan atau kehilangan Set Pakaian Konvokesyen.
  Graduands shall be held fully liable for any exchange of, alteration to, damage to, or loss of the Convocation Attire Set.

- Sekiranya berlaku pertukaran, kehilangan atau kerosakan Set Pakaian Konvokesyen, graduan dikehendaki membayar caj ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan oleh Universiti seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.
  In the event of any exchange, loss of, or damage to the Convocation Attire Set, graduands are required to pay compensation at the rates prescribed by the University, as set out in the table below.

Peringkat Pengajian / *Level of Study*	JUBAH / *ROBE*	MORTAR BOARD	HUD / *HOOD*	BONET
Doktor Falsafah / *Doctor of Philosophy*	RM800.00	-	RM100.00	RM300.00
Sarjana / *Master's Degree*	RM600.00	RM100.00	RM100.00	-
Sarjana Muda / *Bachelor's Degree*	RM600.00	RM100.00	RM100.00	-
Diploma	RM500.00	RM100.00	-	-

- Semua caj ganti rugi bagi kehilangan atau kerosakan Set Pakaian Konvokesyen hendaklah dijelaskan sepenuhnya.
  All compensation charges for the loss of or damage to the Convocation Attire Set shall be paid in full.

- Universiti berhak mengambil apa-apa tindakan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada prosiding sivil atau tuntutan ganti rugi, sekiranya graduan gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.
  The University reserves the right to take legal action, including but not limited to civil proceedings or claims for damages, against any graduand who fails to comply with any of the rules prescribed by the University.

5.4 Pengambilan Sijil Akademik Dan Transkrip
Collection Of Academic Certificate And Transcript

- Jadual rasmi bagi pengambilan Sijil Akademik dan Transkrip adalah seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.
  The official schedule for the collection of the Academic Certificate and Transcript, as determined by the University, must be strictly adhered to.

- Transkrip Akademik dan Sijil hanya boleh dituntut di Bangunan Peperiksaan F2 (Aras 1) selepas tamat sidang Istiadat Konvokesyen graduan masing-masing dan setelah Set Pakaian Konvokesyen dipulangkan sepenuhnya, atau melalui penghantaran pos sekiranya graduan memilih kaedah tersebut. *The Academic Certificate and Transcript may only be collected at Examination Building F2 (Level 1) after the completion of the respective graduand's Convocation Ceremony session and upon the full return of the Convocation Attire Set, or via postal delivery if such an option is selected by the graduand.*

- Pilihan kaedah tuntutan Sijil Akademik dan Transkrip hendaklah dibuat semasa proses pengesahan kehadiran. Graduan yang memilih kaedah penghantaran melalui pos adalah tertakluk kepada caj pengurusan pos yang ditetapkan oleh Universiti. *The preferred method of collection for the Academic Certificate and Transcript shall be selected during the attendance confirmation process. Graduands who opt for postal delivery shall be subject to the postal handling fee prescribed by the University.*

- Graduan dikehendaki menuntut Sijil Akademik dan Transkrip dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tamat rasmi sidang Istiadat Konvokesyen. Universiti tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerosakan, kehilangan atau apa-apa perkara lain yang timbul akibat kelewatan tuntutan selepas tempoh tersebut. *Graduands are required to collect their Academic Certificate and Transcript within ninety (90) days from the official completion date of the Convocation Ceremony session. The University shall not be held responsible or liable for any damage, loss, or other consequences arising from delayed collection beyond this period.*

- Graduan boleh melantik seorang wakil untuk mengambil Sijil Akademik dan Transkrip bagi pihak mereka dengan melengkapkan Borang Kebenaran Wakil yang boleh dimuat turun daripada laman web Pejabat Pengurusan Akademik (PPA). *Graduands may appoint a representative to collect the Academic Certificate and Transcript on their behalf by completing the Authorisation Form, which can be downloaded from the Academic Management Office (PPA) website.*

- Wakil yang hadir hendaklah membawa Borang Kebenaran Wakil yang telah lengkap diisi berserta dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah. *The representative is required to bring the duly completed Authorisation Form together with the required supporting documents as listed in the table below.*

PERKARA / *ITEM*	**DOKUMEN WAJIB / *COMPULSORY DOCUMENTS***
Wakil Graduan / *Graduate's Representatives*	• Salinan Kad Pengenalan Graduan *A copy of the Graduand's Identification Card* • Kad Pengenalan Asal / Pasport Wakil *Original Identification Card / Passport* • Salinan Kad Pengenalan / Passport Wakil *A copy of the Representative's Identification Card / Passport*

- Graduan yang telah mengesahkan untuk **TIDAK MENGHADIRI** Istiadat Konvokesyen dan berhasrat untuk mengambil sendiri Sijil Akademik serta Transkrip hanya **DIBENARKAN** berbuat demikian selepas tamat sidang konvokesyen program masing-masing.
*Graduands who have confirmed their **NON-ATTENDANCE** at the Convocation Ceremony and intend to collect their Academic Certificate and Transcript in person shall **ONLY BE PERMITTED** to do so after the completion of their respective Convocation Ceremony session.*

- Graduan atau wakil graduan **HANYA DIBENARKAN** mengambil Sijil dan Transkrip Akademik sekiranya memenuhi semua syarat yang dinyatakan di bawah:
*Graduands or their duly appointed representatives shall **ONLY BE PERMITTED** to collect the Academic Certificate and Trascript upon fulfilling compliance with all conditions stated below:*

- Graduan **DIWAJIBKAN** melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG).
*Graduands are **REQUIRED** to complete the Graduate Tracer Study (SKPG).*

- Graduan **DIWAJIBKAN** melengkapkan Sistem Maklumat Alumni (SisMA).
*Graduands are **REQUIRED** to complete the Alumni Information System (SisMA) registration.*

- Graduan daripada program berkaitan **DIWAJIBKAN** melengkapkan pendaftaran dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).
*Graduands from relevant programmes are **REQUIRED** to complete registration with the Board of Engineers Malaysia (BEM).*

- Graduan hendaklah memulangkan Set Pakaian Konvokesyen dalam keadaan baik dalam tempoh masa yang ditetapkan.
*Graduands are **REQUIRED** to return the Convocation Attire Set in good condition within the prescribed timeframe.*

- Graduan mestilah bebas daripada sebarang hutang atau tunggakan kewangan dengan Universiti.
Graduands must be free from any outstanding debts or financial obligations to the University.

- Graduan hendaklah memulangkan semua buku atau bahan rujukan yang dipinjam daripada
Perpustakaan Tunku Tun Aminah (jika berkenaan).
*Graduands are **REQUIRED** to return all borrowed books or library materials to the Tunku Tun Aminah Library, if applicable.*

5.5 Pengeposan Sijil Dan Transkrip Akademik
Postal Delivery Of Academic Certificate And Transcript

- Graduan boleh memohon perkhidmatan pengeposan Sijil dan Transkrip Akademik melalui Sistem eGraduan semasa membuat pengesahan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen.
Graduands may apply for the postal delivery of their Academic Certificate and Transcript through the eGraduan System when confirming their attendance for the Convocation Ceremony.

- Graduan **DIKEHENDAKI** mengemas kini dan melengkapkan alamat surat-menyurat terkini dalam Sistem eGraduan semasa membuat pengesahan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen. Maklumat ini diperlukan bagi tujuan pengeposan Sijil dan Transkrip Akademik. Permohonan pengeposan tidak akan diproses sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi.
  *Graduands are **REQUIRED** to update and complete their current mailing address in the eGraduan System when confirming their attendance for the Convocation Ceremony. This information is required for the postal delivery of the Academic Certificate and Transcript. Postal delivery requests will not be processed if this requirement is not fulfilled.*

- Caj pengeposan sebanyak RM12.00 bagi alamat di Semenanjung Malaysia atau RM18.00 bagi alamat di Sabah dan Sarawak akan dikenakan. Caj tersebut **HENDAKLAH DIJELASKAN SEPENUHNYA** sebelum pengeposan dilaksanakan.
  *A postage fee of RM12.00 for addresses within Peninsular Malaysia or RM18.00 for addresses in Sabah and Sarawak shall apply. The fee **MUST BE PAID IN FULL** prior to the processing of the postal delivery.*

5.6 Pindaan Maklumat Pada Sijil Akademik Dan Transkrip Akademik
Amendment of Information on the Academic Certificate and Academic Transcript

- Permohonan pindaan maklumat peribadi graduan pada Sijil Akademik dan Transkrip Akademik akan dikenakan caj pindaan sebanyak RM300.00.
  Applications to amend a graduand's personal information on the Academic Certificate and Transcript shall be subject to an amendment fee of RM300.00.
  .
- Caj pindaan ini hanya akan dikenakan sekiranya kesilapan tersebut berpunca daripada kecuaian graduan sendiri.
  This amendment fee shall only be imposed if the error is caused by the graduand's own negligence.

6. TETAMU GRADUAN / *GRADUAND'S GUESTS*

6.1 Edaran Kad Jemputan
Distribution Of Invitation Cards

- Kad jemputan akan diberikan kepada graduan di Kaunter Pengambilan Set Pakaian Konvokesyen. Ibu bapa atau tetamu hendaklah mendapatkan kad jemputan tersebut daripada graduan sebelum menghadiri Istiadat Konvokesyen.
  Invitation cards shall be issued to graduands at the Convocation Attire Collection Counter. Parents or guests are required to obtain the invitation cards from the graduands prior to attending the Convocation Ceremony.

- Kad Jemputan **HENDAKLAH DITUNJUKKAN** sebagai pas kebenaran masuk ke Dewan Konvokesyen. Ibu bapa atau tetamu yang tidak memiliki Kad Jemputan **TIDAK DIBENARKAN MASUK** ke dewan.
  *The Invitation Card **MUST BE PRESENTED** as an Entry Pass to the Convocation Hall. Parents or guests who do not possess an Invitation Card **WILL NOT BE PERMITTED TO ENTER** the hall.*

- Setiap Kad Jemputan hanya sah untuk **DUA (2)** orang tetamu sahaja
  *Each Invitation Card admits a maximum of **TWO (2)** guests only.*

- Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki Dewan Konvokesyen.
  *Children aged 12 years and below **SHALL NOT BE PERMITTED** to enter the Convocation Hall.*

- Pihak Universiti akan menyediakan kemudahan siaran langsung di khemah utama bagi tetamu yang tidak berpeluang memasuki Dewan Konvokesyen.
  The University will provide a live broadcast facility at the main tent for guests who are unable to enter the Convocation Hall.

6.2 Pas Parkir Kenderaan
Vehicle Parking Pass

- Pas Parkir Kenderaan akan diberikan kepada graduan semasa Pengambilan Set Pakaian Konvokesyen.
  Vehicle Parking Passes shall be issued to graduands during the Convocation Attire Collection.

- Ibu bapa atau tetamu hendaklah mendapatkan Pas Parkir Kenderaan daripada graduan sebelum menghadiri Istiadat Konvokesyen.
  Parents or guests are required to obtain the Vehicle Parking Pass from the graduands prior to attending the Convocation Ceremony.

- Pas Parkir Kenderaan **HENDAKLAH DIPAMERKAN** semasa memasuki kawasan Universiti bagi mendapatkan kebenaran parkir di kawasan yang telah ditetapkan.
  *The Vehicle Parking Pass **MUST BE DISPLAYED** upon entering the University premises to obtain parking permission in the designated areas.*

6.3 Etika Tetamu
Guest Etiquette

- Tetamu graduan hendaklah mematuhi etika berpakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti. Sebarang ketidakpatuhan terhadap etika tersebut boleh menyebabkan tetamu tidak dibenarkan memasuki Dewan Konvokesyen.
  Guests of graduands must adhere to the dress code prescribed by the University. Any failure to comply with the dress code may result in guests being denied entry into the Convocation Hall.

- Para tetamu graduan hendaklah mengambil tempat duduk masing-masing sekurang-kurangnya 30 minit sebelum istiadat bermula.
  Guests of graduands are required to be seated in their designated seats at least 30 minutes before the commencement of the ceremony.

- Para tetamu graduan hendaklah kekal berada di tempat duduk masing-masing sepanjang istiadat berlangsung dan menjaga keharmonian serta kelancaran perjalanan istiadat.
  Guests of graduands must remain seated throughout the ceremony and are required to maintain the decorum and smooth proceedings of the ceremony.

- Penggunaan peralatan seperti kamera, perakam video atau sebarang peranti rakaman adalah **DILARANG SAMA SEKALI** bagi tujuan merakam perjalanan istiadat.
  *The use of cameras, video recorders, or any recording devices is **STRICTLY PROHIBITED** for the purpose of recording the proceedings of the ceremony.*

- Tetamu graduan digalakkan membawa atau memakai pakaian tambahan yang bersesuaian seperti blazer, kot atau jaket memandangkan suhu pendingin hawa di Dewan Sultan Ibrahim adalah antara 20°C hingga 24°C.
  Guests of graduands are encouraged to bring or wear suitable additional clothing, such as blazers, coats, or jackets, as the air-conditioning temperature in Dewan Sultan Ibrahim is maintained between 20°C and 24°C.

- Graduan serta tetamu graduan dinasihatkan untuk mengambil sarapan atau minum pagi terlebih dahulu sebelum memasuki Dewan Konvokesyen kerana pihak Universiti tidak menyediakan sebarang hidangan ringan.
  Graduands and their guests are advised to have breakfast or a light meal before entering the Convocation Hall, as the University will not be providing any refreshments.

- Makanan dan minuman **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk ke dalam Dewan Konvokesyen, kecuali bagi tujuan perubatan peribadi.
  *Food and beverages are **STRICTLY PROHIBITED** from being brought into the Convocation Hall, except for personal medical purposes.*

- Kebersihan Dewan Konvokesyen merupakan tanggungjawab bersama, dan para tetamu graduan **DILARANG MEMBUANG SAMPAH** selain di kawasan yang telah ditetapkan.
  *The cleanliness of the Convocation Hall is a shared responsibility, and guests of graduands are **STRICTLY PROHIBITED** from disposing of rubbish outside the designated areas.*

- Ibu bapa atau tetamu graduan yang mempunyai keperluan khas / OKU digalakkan membawa pengiring bagi memastikan pergerakan mereka dapat dilaksanakan dengan selamat dan teratur. Sekiranya memerlukan sebarang bantuan, sila maklumkan kepada petugas yang bertugas di Dewan Konvokesyen.
  Parents or guests of graduands with special needs / persons with disabilities (OKU) are encouraged to be accompanied by an escort to ensure they can move safely and in an orderly manner. Should any assistance be required, please inform the staff on duty at the Convocation Hall.

7. GRADUAN KELAINAN UPAYA / *GRADUANDS WITH DISABILITY*

- Graduan berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU), khususnya yang mengalami kecacatan anggota kaki atau menghadapi kesukaran pergerakan, **DIGALAKKAN** membawa kerusi roda sendiri bagi memastikan keselamatan dan kelancaran pergerakan sepanjang Istiadat Konvokesyen.
  *Graduands with disabilities (OKU), particularly those with leg impairments or mobility difficulties, are **ENCOURAGED** to bring their own wheelchair to ensure safe and smooth movement throughout the Convocation Ceremony.*

- Sekiranya memerlukan sebarang bantuan, graduan hendaklah berhubung dengan Petugas Konvokesyen semasa sesi pendaftaran dan sepanjang istiadat berlangsung.
  If any assistance is required, graduands are required to contact the Convocation Officers during registration and throughout the ceremony.

8. MAKLUMAT LANJUT / *FURTHER INFORMATION*

- Graduan digalakkan melayari Portal Rasmi Konvokesyen bagi mendapatkan maklumat terkini melalui pautan berikut: https://convocation.uthm.edu.my.
  Graduands are encouraged to visit the Official Convocation Portal to obtain the latest information via the following link: https://convocation.uthm.edu.my

- Sebarang pertanyaan berkaitan Istiadat Konvokesyen boleh dikemukakan kepada Pejabat Pengurusan Akademik melalui saluran berikut:
  Any inquiries regarding the Convocation Ceremony may be directed to the Academic Management Office through the following channels:

  Telephone: *07-950 9893/9894*
  WhatsApp: *07-950 7682*
  E-mail: *konvo@uthm.edu.my*
  Telegram: *https://t.me/KonvoUTHM2026*

ISTIADAT KONVOKESYEN UTHM





















Pejabat Pengurusan Akademik
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat Johor